

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB (TANJONG
MANIS)**

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rancangan untuk membina sebuah balai polis di Kawasan Pulau Bruit untuk membendung masalah penagihan dadah yang amat membimbangkan dalam kalangan remaja dan belia di kawasan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

PDRM akan melihat keperluan untuk cadangan membina balai polis di kawasan Pulau Bruit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, Pulau Bruit, Sarawak pada ketika ini terletak di bawah bidang kuasa pentadbiran Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Matu Daro manakala balai polis yang terhampir dengan pulau ini adalah Balai Polis Daro.

Bagi membendung masalah penagihan dadah di kawasan Pulau Bruit, pihak PDRM dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) melaksanakan operasi berkala dan sesi berjumpa dengan komuniti setempat dalam memberi penerangan tentang bahaya kesan pengambilan dadah.